

NUJ desak Utusan batal siasatan ke atas presidennya
Malaysiakini.com
January 5, 2011

Kesatuan Wartawan Kebangsaan (NUJ) masih berharap Utusan Melayu akan "mempertimbang dengan serius" untuk membatalkan siasatan dalaman terhadap Presidennya, Hata Wahari, petugas organisasi media tersebut.

Setiausaha agung NUI, V Anbalagan berkata hari ini kesatuan itu pada mesyuarat tergempar majlis exconya malam semalam sebulat suara berpendapat dakwaan Utusan yang Hata telah merosakkan imejnya dengan kenyataan yang dibuatnya adalah "lucu".

"Hata, dalam kapasitinya sebagai presiden NUI, mengeluarkan kenyataan itu sebagai mempertahankan kebebasan akhbar dan kebajikan anggotanya," kata beliau dalam satu kenyataan.

Hata berdepan lapan tuduhan salah laku kerana mengeluarkan kenyataan kepada portal berita Malaysiakini, Malaysian Insider dan Merdeka Review, dan akhbar The Sun antara 21 Sept dan 14 Okt tahun lalu.

Syarikat itu sebelum ini menetapkan siasatan dalaman untuk hari ini, tetapi dalam surat bertarikh Isnin, menunda kes itu ke 17 Jan.

Anbalagan berkata NUI menyifatkan siasatan dalaman itu terhadap Hata, yang juga presiden Persekutuan Wartawan Asean (CAJ), sebagai tindakan penganiayaan terhadap seorang pemimpin kesatuan.

"Ia juga bertujuan melumpuhkan kepimpinan NUI dan dijadikan amaran kepada pemimpin kesatuan yang berpejabat di Utusan Melayu," katanya.

Syarikat itu sebelum itu telah mengadakan siasatan dalaman terhadap bekas pengerusi cawangan NUI Amran Ahmad, yang berakhir dengan pemecatan beliau pada September 2009, dan kes beliau kini berada di Mahkamah Perusahaan.